

31 MAR 1999

LAPORAN: KRISIS ASIA

LAPORAN: PERLUNYA PERLINDUNGAN DAN MEKANISME YANG SESUAI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Langkah perlindungan dan mekanisme yang sesuai perlu dilaksanakan untuk mengurus aliran modal dan membendung manipulasi mata wang, kata Bank Negara dalam laporan tahunan 1998.

Menurut bank pusat itu, langkah-langkah perlindungan dan mekanisme perlu disediakan bagi memaksimumkan manfaat globalisasi di samping mengurangkan potensi kesan ketidakstabilan aliran modal jangka pendek yang tidak menentu.

Dalam artikel berjudul "Krisis Asia: Satu Kajian Mengenai Pandangan Terhadap Sebab dan Tindak Balas Dasar", di dalam laporan itu, bank pusat itu berkata pencarian kepada penyelesaian lebih tertumpu kepada kepada pembaharuan arkitektur kewangan antarabangsa untuk memastikan globalisasi dan liberalisasi kewangan bergerak secara teratur.

Ia berkata hasil penulisan mengenai sebab dan akibat krisis Asia kian bertambah tetapi negara-negara individu mesti melaksanakan pembaharuan ekonomi dan kewangan walaupun usaha-usaha itu sahaja tidak memadai.

"Apabila krisis ini semakin melarat dan kesannya lebih teruk daripada yang dijangkakan, maka wujud pengiktirafan antarabangsa yang sesungguhnya tindakan untuk membetulkan keadaan ini perlu juga dilaksanakan di peringkat antarabangsa," tambah laporan itu.

Berbeza dengan krisis-krisis sebelum ini, yang kebanyakannya bermula daripada sektor awam, ketidakstabilan di negara-negara Asia sebahagian besarnya berpunca daripada sektor swasta.

Dalam kes negara-negara Asia, secara umumnya dipersetujui bahawa peningkatan hutang luar negara yang pesat dalam sektor swasta mencetuskan krisis itu.

Antara yang mengusulkan pandangan bahawa krisis itu mencerminkan kelemahan dasar dalam negara adalah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang telah menyuarakan kekhuatirannya bahawa pertumbuhan yang melampau kian ketara di rantau ini akibat defisit akaun semasa yang besar serta kelambungan pasaran hartanah dan saham.

IMF selanjutnya menganjurkan bahawa krisis Asia adalah berpunca daripada kelemahan sistem kewangan dalam negara dan corak pentadbiran negara-negara tersebut.

Bank Dunia bersependapat bahawa masalah utama adalah di dalam sektor kewangan, di mana herotan insentif, piawaian pengawalan yang rendah, pengurusan liberalisasi kewangan yang lemah serta pendedahan dan penyeliaan yang tidak mencukupi telah menggalakkan pengambilan risiko yang berlebihan.

Ia menegaskan bahawa kelemahan sektor kewangan telah menjurus kepada pelaburan yang tidak bermutu dan peningkatan pinjaman tidak berbayar.

Bagaimanapun terdapat pandangan bahawa krisis Asia disebabkan oleh kelemahan sistem kewangan antarabangsa, yang bertentangan dengan pandangan bahawa menyalahkan keadaan ekonomi dalam negara dan dasar-dasar di negara-negara Asia sendiri.

Pengusul utama pandangan itu, Professor Jeffrey Sachs dari Universiti Harvard, berpendapat bahawa asas ekonomi di negara-negara yang mengalami kegawatan adalah pada dasarnya kukuh.

Pandangan ini memerhatikan bahawa sistem kewangan di negara-negara yang terbabit tidak cukup bersedia untuk menghadapi risiko liberalisasi kewangan yang pesat, yang menjadikan negara-negara tersebut begitu mudah tergugat oleh kejutan luaran.

Malaysia adalah antara negara pertama yang menyuarakan pendapat bahawa

krisis Asia berpunca daripada kelemahan dalam pengurusan sistem kewangan antarabangsa.

Ia berpendapat bahawa aliran spekulasi modal jangka pendek yang tidak menentu telah menggugat kegiatan perdagangan dan ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mendesak supaya diadakan satu mekanisme antarabangsa bagi mengawal aliran modal jangka pendek.

Walaupun pada mulanya terdapat perbezaan pendapat mengenai perkara ini, kini semakin ramai yang sepakat mengatakan bahawa krisis Asia turut mencerminkan kepincangan dalam arkitektur kewangan antarabangsa.

Artikel itu turut merumuskan pandangan-pandangan mengenai krisis Asia oleh Professor Jagdish Bhagwati daripada Universiti Columbia, ketua eksekutif Lembaga Kewangan Hong Kong Joseph Yam dan ahli akademik Professor Paul Krugman.

Ia merumuskan bahawa faktor dalam negara dan antarabangsa menyumbang kepada krisis itu dan perlunya tindak balas yang sesuai bagi mengatasi kelemahan dalam kedua-dua aspek. -- BERNAMA

DVS MFJ OS